

16/11/1998

Globalisasi perlu ambil kira faedah bersama

USAHA melaksanakan dasar globalisasi dan liberalisasi ekonomi hendaklah mengambil kira kepentingan bersama yang boleh mendatangkan faedah kepada semua pihak.

Pengerusi Majlis Penasihat Perniagaan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), Tan Sri Tajudin Ramli, berkata kedua-dua proses itu boleh memberi faedah berkesan jika pandangan pelbagai ekonomi negara membangun, diterima pakai.

"Mungkin satu prinsip yang seharusnya memainkan fungsi utama dalam pembangunan globalisasi dan liberalisasi ialah dasar 'memakmurkan jiran anda'."

"Saya yakin dasar itu akan menggalakkan kesejahteraan menyeluruh dan mewujudkan pelbagai peluang untuk berdagang. Ia sesuai dengan wawasan Apec yang mahu menubuhkan masyarakat Asia Pasifik menerusi kerjasama ekonomi kukuh," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan aluannya sempena majlis perasmian Sidang Perniagaan Apec di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tajudin berkata, penyertaan ahli perniagaan terkemuka dari seluruh dunia dalam sidang puncak kali ini, mencerminkan keperluan penting untuk membincangkan isu semasa.

"Saya yakin ketika sidang berlangsung, pelbagai idea dan cadangan akan diutarakan yang boleh membawa kepada penyelesaian kepada masalah yang dihadapi pada masa ini," katanya.

Beliau menegaskan, sesuai dengan tema Apec kali ini iaitu 'Apec Baru Bagi Alaf Baru', adalah menjadi harapan bersama gagasan ekonomi Apec pada masa depan akan menjadi satu kerjasama dalam bentuk 'baru'.

"'Baru' bermakna dalam konteks fungsinya serta komitmen untuk memastikan setiap warga negara Apec menerima faedah kerjasama ekonomi, dan inilah cabaran utama yang kita hadapi," katanya.

Sehubungan itu, Tajudin berkata Apec perlu mengkaji kejayaan dan kesilapan lampau bagi membangun dan merangka peranan barunya di masa depan.

"Kaedah itu penting bagi memastikan Apec kekal relevan pada setiap masa, dan tidak ketinggalan," katanya.

(END)